

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak berhasrat untuk memperkenalkan semula dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), *Dual Language Programme* (DLP) telah diperkenalkan mulai pada tahun 2016 dengan memberi pilihan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bidang Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Program rintis DLP telah dilaksanakan pada tahun 2016 yang melibatkan 377 buah sekolah, iaitu 132 buah sekolah rendah dan 245 buah sekolah menengah. Setelah empat tahun pelaksanaan program DLP ini, jumlah sekolah yang terlibat telah meningkat kepada 2,291 buah sekolah pada tahun 2020, iaitu 737 buah sekolah rendah dan 1,554 buah sekolah menengah.

KPM juga dalam usaha menambah baik pendidikan bahasa Inggeris bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris guru dan murid untuk keperluan pada masa akan datang, dan KPM telah melaksana dan merancang pelbagai program pengukuhan bahasa Inggeris.

Sekian, terima kasih.